

BAB DUA

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

2.0 : Pengenalan

Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian yang terdiri daripada teori kebimbangan dan juga kajian mengenai kebimbangan yang telah dijalankan di dalam negara dan di luar negara.

2.1 : Teori Kebimbangan

Perkataan 'anxiety' atau kebimbangan wujud daripada perkataan 'anger' dan 'anxus' yang bermaksud mencengkam perasaan (throttle). Dalam erti kata lain kebimbangan adalah hubungan antara perasaan dicengkam atau mempunyai perasaan terhalang. Dan akhirnya perasaan bimbang ini seringkali bersama perasaan tegang dan dan tidak selesa. Keadaan ini mungkin mencapai ke tahap di mana individu tersebut menjadi tegang dari segi emosi dan fizikal serta menyebabkan tingkah laku yang tidak terurus (Trimmer, 1970).

Teori Kebimbangan Psikoanalisis Frued

Frued (1936) adalah merupakan orang yang mula-mula mengulas kebimbangan secara saintifik. Frued memfokuskan kebimbangan sebagai masalah utama memahami kecelaruan emosi dan psikologi dan menganggap bahawa kebimbangan merupakan fenomena asas dan merupakan masalah utama bagi neurosis. Sebagai ahli perubatan Frued cenderung kepada kajian tabiat tingkahlaku dan perasaan manusia berpandukan kepada pendekatan psikologi. Frued mengemukakan tiga unsur utama dalam personality iaitu 'id', 'ego' dan 'super ego'.

Aspek penting yang ditekankan dalam teori ini ialah tingkahlaku harian seseorang banyak dipengaruhi oleh keadaan bawah sedar dan tingkahlaku utama bagi orang dewasa banyak dipengaruhi oleh perkembangan peringkat awal kanak-kanak.

Frued (1977) berpendapat kebimbangan perlu dilihat sama ada berbentuk objektif ataupun neurotik. Kebimbangan objektif atau kebimbangan biasa ialah tindakbalas kepada ancaman luar seperti kematian, kelahiran atau menghadiri temuduga. Kebimbangan ini merupakan reaksi semulajadi dan ia adalah rasional dan berfungsi untuk mempertahankan diri. Kesediaan yang timbul secara automatik ini merupakan satu fungsi penting kerana melindungi individu dari ancaman yang mendadak. Kebimbangan objektif ini sebenarnya tidak menimbulkan masalah psikologi.

Freud (1977) menerangkan bahawa persediaan untuk kebimbangan merupakan punca utama yang menimbulkan kebimbangan neurotik. Kebimbangan ini meningkat kerana jumlah kebimbangan yang dialami tidak setara dengan ancaman yang dihadapi. Persoalan kebimbangan tertumpu kepada peranan libido. Apabila tenaga libido dipendam, ia bertukar kepada kebimbangan bebas ataupun satu simptom kebimbangan.

Freud juga mengatakan kebimbangan berpunca dari renjatan emosi kelahiran (birth trauma) dan takutkan kembiri (fear of castration). Kesan emosi yang timbul dari kebimbangan adalah dari hubungan pengalaman lepas yang signifikan, iaitu kelahiran bayi ke dunia. Pengalaman bayi lahir ke dunia merupakan pengalaman yang traumatik dan Freud mengandaikannya sebagai kebimbangan yang ulung sekali oleh bayi ialah perpisahan dengan ibunya.

Teori Terapi Psikoanalisis Rank

Selain Freud, ramai lagi ahli Psikologi yang membicarakan tentang konsep kibimbangan. Mengikut Pervin (1980) kebimbangan merupakan topik utama dalam membicarakan tentang personaliti manusia.

Pendekatan Rank (1929) menyarankan bahawa kebimbangan terjadi kerana perhubungan antara peribadi ini dapat dilihat dari dua segi iaitu

perhubungan umum dengan masyarakat atau perhubungan khusus dengan orang yang signifikan dalam kehidupan individu itu. Ahli Psikoanalisa keseluruhannya mengatakan ciri-ciri kebimbangan menghadkan perkembangan dan kesedaran sehingga membawa kepada kehidupan yang tidak berkesan. Kebimbangan sungguhpun merupakan reaksi spontan di dalam menghadapi ancaman dan timbul dalam bentuk simptom mekanisma bela diri, ia akan menimbulkan konflik hidup yang tidak berkesudahan jika kebimbangan itu menjadi neurotik.

May (1979) menyarankan bahawa kebimbangan terjadi kerana kegelisahan yang tidak menentu dan perasaan tidak selamat. Kebimbangan ini terjadi kerana takut untuk hidup atau takut kepada mati. Takut untuk hidup merupakan kebimbangan terhadap kemungkinan-kemungkinan baru untuk membuat aktiviti bersendirian. Aktiviti-aktiviti yang bersendirian memaksa seseorang individu membentuk satu-satu corak perhubungan baru dengan orang lain dan corak ini terpaksa disepadankan ke dalam diri supaya menjadi sehati. Tidak dapat tidak, corak perhubungan baru ini sendirinya menimbulkan ancaman kerana berbeza ataupun berpisah dari corak perhubungan sedia ada yang sudah menjadi kebiasaan.

Teori Tingkah Laku

Teori tingkah laku adalah berkaitan dengan teori Rangsangan Gerak balas (Stimulus Response). Povlov merupakan orang yang mula meletakkan asas untuk memahami kebimbangan dari pendekatan rangsangan

gerak balas dan Watson merupakan orang pertama melakukan eksperimen untuk menunjukkan bahawa kebimbangan ataupun ketakutan dipelajari mengikut proses pelaziman tingkah laku.

Teori tingkah laku mengatakan bahawa kebimbangan adalah satu reaksi emosi yang dipelajari atau dikuasai terhadap sesuatu rangsangan neutral yang dikemukakan atau didedahkan berulang kali bersama dengan satu rangsangan yang menyakitkan. Ini bermakna kebimbangan ialah tindak balas yang dipelajari dari rangsangan baru yang menimbulkan reaksi perasaan yang kuat. Kebimbangan ini juga digeneralisasikan atau ditukarkan kepada rangsangan. Kebimbangan yang digeneralisasikan boleh ditingkatkan ataupun dibendung.

Byrne (1966) menyatakan bahawa ahli-ahli psikologi yang melihat kebimbangan sebagai satu keadaan emosi atau melihat dari sudut motivasi telah menumpukan kajian kebimbangan kepada beberapa jenis kebimbangan berlandaskan minat dan orientasi masing-masing. Pertama melihat kebimbangan dari segi rangsangan yang menimbulkan gerak balas. Misalnya individu boleh dijadikan bimbang atau takut dengan cara kesakitan ataupun ancaman kesakitan oleh rangsangan yang tidak dijangka. Kesan fisiologi terhadap ketakutan dan kebimbangan ialah peningkatan degup jantung dan pernafasan, ketegangan otot-otot, perpeluhan serta peningkatan adrenalin ke dalam darah. Kebimbangan

begini mempunyai implikasi terhadap kebimbangan ujian yang melibatkan respon lisan serta kesan fisiologi.

Penumpuan kedua melibatkan rangsangan yang menimbulkan kebimbangan. Pada awalnya rangsangan adalah neutral, tetapi oleh kerana ia dilazimkan dengan gerak balas yang membimbangkan, rangsangan ini akhirnya menimbulkan kebimbangan.

Fokus kajian ketiga melibatkan ciri-ciri pergerakan, oleh kerana seseorang itu tidak merasai seronok apabila mengalami kebimbangan ataupun ia berada dalam ketakutan, apa saja perlakuan yang boleh mengurangkan pergerakan merupakan peneguhan kepada tingkah laku. Gerak balas pengurangan pergerakan yang paling senang sekali ialah pengelakan diri dari sesuatu rangsangan yang mampu untuk menimbulkan kebimbangan. Jika penghindaran tidak dapat dicapai dengan mudah, gerak balas lain perlu dipelajari dengan tujuan untuk mencapai matlamat yang sama iaitu untuk mengurangkan atau menghilangkan kebimbangan.

Keempat, kebimbangan bukan sahaja dilihat tidak menyeronokkan dan pergerakan yang akan mengurangkan kebimbangan, tetapi juga mempunyai satu lagi kesan yang sama dengan motif-motif lain iaitu peneguhan kepada apa-apa sahaja reaksi yang dibuat oleh organisasi itu sendiri. Ini bermakna

kesan penguahan pergerakan terhadap tingkah laku adalah bebas dari penyebab spesifik yang menimbulkan pergerakan itu.

Fokus yang kelima bagi ahli-ahli psikologi tingkah laku terhadap kebimbangan ialah kelainan individu. Kelainan individu dilihat dari segi :

- I . Gerak balas fisiologi terhadap rangsangan kebimbangan.
- II . Rangsangan yang menimbulkan kebimbangan.
- III . Gerak balas instrumental yang dipelajari bertujuan mengurangkan kebimbangan dan,
- IV . Tahap pergerakan ataupun gerak balas emosi secara umum.

Teori Kebimbangan Keadaan - Tret

Spielberger (1966) telah membincangkan dua jenis kebimbangan, iaitu kebimbangan keadaan dan kebimbangan Tret. Kebimbangan keadaan sebagai satu keadaan emosi sementara dan diikuti dengan perasaan tegang dan cemas serta bertambahnya aktiviti sistem saraf otonomik. Kebimbangan keadaan berubah dari segi kekuatan mengikut masa. Spielberger menyatakan kebimbangan keadaan bertambah apabila seseorang berhadapan dengan sesuatu tekanan seperti beban kerja yang berlebihan.

Mengikut Spielberger, kebimbangan Tret pula adalah serupa dengan ciri-ciri sahsiah. Kebimbangan Tret ialah pengamatan semulajadi kepada situasi yang dianggap oleh individu itu sebagai mengancam atau tidak. Individu yang cirinya adalah tinggi dari segi kebimbangan Tret condong mengamati banyak situasi sebagai mengancam jika dibandingkan dengan individu yang mempunyai kebimbangan Tret yang rendah.

Kebimbangan keadaan pula ialah bagaimana individu itu bergerak balas terhadap sesuatu situasi iaitu dalam keadaan beremosi dan berperasaan kluatir, tegang, gelisah, susah hati ataupun takut. Oleh itu kebimbangan Tret berkait rapat dengan kebangkitan yang timbul daripada pengamatan situasi yang merbahaya. Kebimbangan keadaan boleh dianggap sebagai kesan negatif, di mana aras yang tinggi tidak menyenangkan seseorang itu.

Teori Kebimbangan Neurotik

Teori kebimbangan neurotik telah menyatakan bahawa bayi dan kanak-kanak adalah bergantung terhadap ibubapanya, bukan hanya dari sudut keperluan fizikal malah juga rasa selamat dari sudut psikologi. Oleh yang demikian perasaan bayi atau kanak-kanak yang disayangi dan dilindungi oleh ibubapa akan merasa lebih selamat dan selesa. Sebaliknya kanak-kanak yang kurang mendapat

perhatian ibubapa mula melahirkan asas perasaan kebimbangan di mana Horney (1945) telah menyatakan bahawa;

“the feeling a child has of being isolated and helpless in potentially hostile world” (ms 48)

Terdapat ibu bapa yang tidak menerima anak-anak, maka anak-anak akan merasa marah terhadap mereka. Horney mentafsirkan ianya sebagai “basic hostility”.

2.2 Kajian Mengenai Kebimbangan

Banyak kajian telah dilakukan untuk mengkaji mengenai kebimbangan terutamanya di Barat. Kajian-kajian yang dilakukan kebiasaannya mempunyai kaitan dengan perkembangan semasa. Contohnya dalam era teknologi maklumat dan komputer maka banyak kajian kebimbangan dan perkaitannya dengan penggunaan komputer. Di samping itu banyak juga kajian yang dilakukan terhadap perhubungan antara kebimbangan dengan kejayaan dan juga mata pelajaran Matematik. Ini kerana semua manusia akan menentukan kerjaya masa depan mereka demi memenuhi matlamat hidup mereka.

Di Malaysia kebimbangan mula disedari oleh kaunselor dan guru-guru bimbingan apabila mereka berurusan dengan pelajar dan remaja sekolah. Kajian kebimbangan melibatkan berbagai masalah yang dialami oleh seseorang berpunca daripada perasan yang tidak tenteram. Namun demikian kajian berkaitan kebimbangan dalam profesionalisme perguruan setakat ini belum ditemui lagi oleh

pengkaji. Walaubagaimanapun perbincangan tentang kajian lampau berkaitan kebimbangan akan cuba menyorot kajian yang sedikit sebanyak mempunyai kaitan dengan kebimbangan profesional yang semakin menular dalam kalangan guru atau pendidik.

2.2.1 Kajian Tempatan

Di Malaysia tidak terdapat kajian tentang kebimbangan di kalangan guru-guru. Namun begitu terdapat satu kajian oleh Fadzilah (1989) menggunakan ‘Senarai Semak Masalah Mooney’ yang telah diubahsuai untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelatih-pelatih di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Responden kajian seramai 278 guru pelatih telah digunakan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masalah utama yang dihadapi adalah berkaitan akademik, keinginan untuk meluaskan pengetahuan, kebimbangan terhadap peperiksaan dan penggunaan bahasa Inggeris.

Abdul Rahim Hassan (1982), dalam kajian yang dijalankan ke atas 74 orang responden di sebuah sekolah menengah di kawasan luar bandar mendapati bahawa pelajar-pelajar yang berkeimbangan berjaya dari segi prestasi akademik jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang berkeimbangan tinggi.

Rohana Zubir (1974) telah membuat kajian terhadap 640 orang pelajar (320 lelaki dan 320 perempuan) daripada 2 buah sekolah di Petaling Jaya dan 6 buah

sekolah di Kuala Lumpur. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa kategori masalah yang utama ialah kategori tentang masalah penyesuaian kerja sekolah. Masalah lain yang dihadapi oleh sebilangan pelajar termasuklah masa depan dan kerjaya, hubungan personal psikologikal, kewangan, kehidupan harian, sosial dan hiburan, kategori moral dan agama. Beliau juga merumuskan bahawa masalah pelajar di Malaysia tidak berbeza dengan masalah pelajar di Amerika Syarikat. Masalah-masalah inilah yang menyebabkan wujud rasa kebimbangan dalam kalangan pelajar.

Zainol Abidin (1981), dalam kajiannya ke atas pelajar-pelajar Sekolah Menengah Vokasional, Kangar, Perlis dengan menggunakan responden seramai 80 orang yang terdiri daripada 40 orang pelajar lelaki dan 40 orang pelajar perempuan daripada tingkatan 4 dan 5, mendapati bahawa pelajar-pelajar perempuan adalah lebih bimbang dari pelajar-pelajar lelaki.

Hipotesis yang telah dikemukakan ialah :

- 1) Pelajar-pelajar tingkatan 5 yang mengambil peperiksaan mengalami tahap kebimbangan yang lebih tinggi berbanding pelajar tingkatan 4.
- 2) Pelajar-pelajar anak sulong mengalami tahap kebimbangan yang tinggi berbanding pelajar lain.
- 3) Pelajar-pelajar perempuan mengalami kebimbangan yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

Alat kajian yang digunakan adalah merupakan ciptaan pengkaji sendiri yang mengandungi 40 soalan 'Ya' atau 'Tidak' dan ianya perlu dijawab dalam masa 50 minit. Ujian rintis telah dilakukan untuk menguji keesahan alat tersebut. Rekabentuk kajian ialah kajian perbandingan. Data dipersembahkan dalam bentuk graf histogram.

Kajian ini juga mendapati bahawa lebih 70% pelajar-pelajar tingkatan 4 dan 5 menghadapi kebimbangan seperti fikiran mudah terganggu, gentar apabila menghadapi keadaan yang menakutkan, bimbang tentang pelajaran, tergamam apabila berjumpa dengan orang yang diminati, bimbang memikirkan keluarga, rasa takut dan gementar menghadapi peperiksaan, memikirkan diri lemah, bimbang tentang jenis pekerjaan yang akan dilakukan, bimbang jika tidak mendapat pekerjaan dan bimbang tidak dapat menyelesaikan kerja rumah.

Kajian ini tidak menggunakan pendekatan teori yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk melakukan kajian. Walau bagaimanapun, sebenarnya ia telah memasukkan unsur-unsur kebimbangan situasi dan kebimbangan trait secara tidak langsung seperti yang dikemukakan oleh Spielberger (1972). Zainol dalam usaha mencipta alat kajian ini dan telah melakukan ujian rintis, namun beliau tidak menyatakan realibiliti atau kebolehpercayaan alat ciptaannya.

Mengikut kajian Chiam dan Fatimah (1982) keinginan untuk lulus peperiksaan dengan gred yang baik menjadi punca utama kebimbangan remaja. Dari

segi masalah sekolah, rata-rata pelajar remaja berasa bimbang tentang peperiksaan. Sebanyak 48.8 % pelajar remaja merasa bimbang kerana tidak tahu belajar secara berkesan. Dari segi perhubungan guru, pelajar remaja yang lemah dalam bidang akademik menganggap guru tidak berminat, tidak membantu pelajar secara individu. Di samping itu, mereka tidak memahami guru-guru mereka (Chiam 1983).

Ng See Ngean (1977) telah membuat kajian berkaitan kebimbangan sekolah dan pencapaian dalam arimatik. Responden terdiri daripada 144 orang murid darjah lima. Kajian beliau ialah untuk mencari perhubungan antara kegelisahan ciri am (A-State) dan kegelisahan ciri khas (A-Trait) dan kegelisahan keadaan dengan pencapaian kanak-kanak dalam ujian matematik. Angkubah yang digunakan termasuklah jantina, ras dan kedudukan ekonomi.

Ng See Ngean (1977) telah menggunakan STAI X1 oleh Spielberger, School Anxiety Scale (SAS) yang mengandungi empat faktor : Penolakan oleh Kebimbangan yang lain (RA = Rejection Other Anxiety (TA), Teacher and Parental Expectation (EA), dan Psychological Reactivity (PR). Data yang diperolehi diproses menggunakan Pearson Product – Moment Correlation untuk mendapatkan kolerasi atau perhubungan antara kebimbangan dengan pencapaian dalam matematik. Menurut Ng See Ngean ujian menggunakan instrument STAI merupakan petunjuk yang terbaik untuk Pencapaian Matematik. Beliau menyatakan pencapaian dalam Matematik dipengaruhi oleh kebimbangan. Kanak-kanak dari keturunan Cina

didapati lebih mengalami kegelisahan atau kebimbangan yang tinggi berbanding kanak-kanak Melayu.

Kesimpulan dari kajian beliau ialah pencapaian dalam mata pelajaran Matematik dipengaruhi secara negative oleh kebimbangan. Dalam hal ini, pengaruh yang tinggi sekali berpunca dari kebimbangan situasi, diikuti oleh kebimbangan Trait dan akhir sekali kebimbangan secara umum. Kajian beliau boleh dianggap sebagai perintis terhadap kajian kebimbangan di Malaysia. Ianya dikatakan demikian kerana beliau telah menggunakan STAI versi awal iaitu STAIX1 dan X2. Oleh yang demikian kajian beliau adalah satu kajian yang baik kerana ia dapat memberi panduan kepada guru-guru tentang antara punca pencapaian Matematik sama ada meningkat atau menurun.

Noran Fauziah dan Mizan Abdullah (1991) telah membuat kajian tentang masalah remaja di sebuah sekolah asrama penuh di Kuala Lumpur. Hasil kajian menunjukkan bahawa daripada sebelas kategori masalah yang dikaji, masalah yang berkaitan dengan penyesuaian terhadap kerja-kerja sekolah yang paling banyak mengganggu pelajar. Lapan item dalam kategori ini mempunyai lebih daripada 10% responden yang mengatakan masalah tersebut mengganggu mereka, iaitu tidak memahami beberapa mata pelajaran dengan memuaskan, tidak tahu cara belajar yang berkesan, lemah daya ingatan, bimbang tentang pencapaian dalam peperiksaan, bimbang menghadapi peperiksaan, takut gagal dalam peperiksaan, tidak belajar dengan secukupnya dan tidak dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran sekolah.

Kajian oleh Lim Hong Kuan dan Sarojini Menon (1982) ke atas 770 orang pelajar remaja di empat buah sekolah menengah di Selangor dan dua buah sekolah menengah di Kuala Lumpur mendapati bahawa masalah yang kerap kali ditandakan oleh para remaja ini ialah masalah berkaitan dengan peperiksaan dan ketakutan akan gagal dalam ujian atau peperiksaan. Mereka lebih mengakui tidak tahu cara belajar yang berkesan dan tidak boleh menumpukan perhatian dan suka menyalahkan sekolah, guru atau kurikulum. Kesukaran dalam matematik merupakan masalah yang sangat mengganggu mereka. Daripada temuduga dan penulisan karangan oleh pelajar-pelajar terpilih, didapati bahawa masalah berkaitan dengan keadaan keluarga yang tidak sempurna juga amat mengganggu mereka.

Kajian seterusnya telah dilakukan oleh Zarina Muhammad Asip (1989). Zarina telah menggunakan pendekatan teori yang telah dikemukakan oleh Freud. Mengikut teori tersebut kebimbangan sebagai tindak balas dan ransangan. Kebimbangan dan ketakutan mempunyai hubungan yang rapat kerana kedua-duanya mempunyai reaksi terhadap bahaya. Ketakutan dan kebimbangan ialah reaksi semulajadi. Di samping itu pengkaji juga telah memasukkan model psiko-analitik berhubung tiga jenis kebimbangan yang terdiri daripada :

- 1) kebimbangan realiti.
- 2) kebimbangan neurotik, dan
- 3) kebimbangan moral.

Responden kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia yang dipilih secara rawak. Instrumen kajian yang digunakan ialah IPAT Anxiety Scale. Hipotesis kajian Zarina adalah berikut :

- 1) Terdapat perbezaan yang signifikan antara kebimbangan terhadap kerjaya masa depan dengan jantina.
- 2) Terdapat kebimbangan yang signifikan antara tahap kebimbangan pelajar terhadap kerjaya masa depan dan bangsa.

Hipotesis yang lain mengaitkan hubungan signifikan antara kebimbangan dengan kerjaya masa depan dengan tempat asal, kursus pengajian, pendapatan ibu bapa dan tahun pengajian.

Analisis data dilakukan dengan menggunakan ujian t untuk mendapatkan perbezaan. Ujian kolerasi Pearson telah digunakan untuk mencari perhubungan dan ujian Chi kuasa dua dan ANOVA juga telah digunakan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebimbangan dengan kebimbangan terhadap kerjaya. Kajian ini merupakan kajian yang baik kerana ianya bersesuaian dengan suasana perkembangan semasa kerana ketika itu pasaran pekerjaan adalah sangat terhad dan perkembangan ekonomi yang tidak stabil.

2.2.2 Kajian Luar Negara

Terdapat banyak kajian telah dijalankan di luar negara berkaitan kebimbangan terutama sekali menjurus kepada masalah kebimbangan yang dihadapi oleh para remaja. Antara lain kajian yang dilakukan oleh Sarason (1952) menyatakan bahawa kebimbangan adalah merupakan faktor yang amat ketara dalam menentukan pencapaian akademik. Beliau juga menyatakan bahawa mereka yang pintar dan berprestasi tinggi adalah mereka yang berkebolehan menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka dan mempunyai tahap kebimbangan yang rendah.

Menurut Cattell (1950) dalam kajiannya telah menerangkan perbezaan kebimbangan 'trait' dan kebimbangan keadaan (state). Melalui perbezaan ini terbentuk teori "State-Trait Anxiety Inventory (STAI)". Beliau menyatakan bahawa kebimbangan ialah suatu keadaan emosi yang tidak menyenangkan, keadaan ini timbul apabila individu itu berperasaan tegang, susah hati, kuarir dan juga disebabkan kebangkitan system saraf autonomik. Kebimbangan 'State' terjadi apabila seseorang itu menghadapi rangsangan atau situasi yang merbahaya, mengancam dan memudaratkan. Tahap kebimbangan ini bergantung kepada situasi dimana kekuatannya berubah mengikut masa. Kebimbangan 'Trait' tidak spesifik dari segi situasi dan masa, individu yang mengalami kebimbangan 'trait' yang tinggi berkemungkinan mengalami kebimbangan yang tinggi berbanding seseorang yang mengalami 'trait' yang rendah.

Kajian mengenai yang berkaitan dengan suatu penilaian kebimbangan terhadap komputer dan profail diri mereka yang mempunyai pengalaman berkaitan komputer. Kajian ini telah dilakukan oleh Price (1986). melibatkan 300 orang responden yang terdiri daripada 128 orang lelaki dan 182 orang perempuan. Responden terdiri dari mereka yang telah bekerja dalam bidang pengurusan dan bukan pengurusan.

Price telah membina sembilan hipotesis dalam kajiannya. Antara hipotesis yang dikemukakan oleh Price adalah seperti berikut :

- 1) Terdapat kolerasi yang positif antara kebimbangan komputer dan jantina apabila Matematik dan Sains menjadi latarbelakang yang tidak dikawal.
- 2) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kebimbangan komputer antara lelaki dan perempuan dari Matematik dan Sains adalah tetap.
- 3) Terdapat perbezaan yang signifikan antara kebimbangan komputer bagi personel pengurusan dan bukan pengurusan.
- 4) Terdapat perhubungan antara kebimbangan komputer dan pangkat pekerjaan.
- 5) Tiada kolerasi yang wujud antara kebimbangan komputer dan umur.
- 6) Terdapat kolerasi yang wujud antara kebimbangan komputer dan kebimbangan situasi.

- 7) Terdapat kolerasi yang wujud antara kebimbangan komputer dan pekerja komputer pada masa lalu dan masa kini.

Dua hepotesis lain berkaitan dengan jangkamasa bekerja dengan komputer dan kebimbangan komputer yang wujud dalam populasi yang terlibat.

Price telah menggunakan State – Trait Anxiety Inventory (STAI) oleh Speilberger (1976). STAI telah dipilih dan digunakan untuk kajian beliau kerana ianya mudah ditadbir dan penggunaannya yang luas meliputi seluruh dunia. Penggunaannya meliputi lebih 30 bahasa di dalam dunia ini (Speilberger,1966). Data yang diperolehi telah diproses dengan menggunakan pakej SPSS dengan menggunakan ujian t. Bagi hepotesis yang pertama dapatan telah menyokong hipotesis tersebut iaitu terdapatnya kolerasi yang positif antara kebimbangan komputer dan jantina. Dapatan juga telah menolak hipotesis yang ketiga, keempat dan seterusnya.

Kesimpulan kajian Price (1986) ialah perempuan mengalami lebih kebimbangan komputer berbanding lelaki. Di samping itu kebimbangan komputer juga ada kaitan dengan latar belakang pendidikan Matematik dan Sains. Perbezaan bidang pengurusan akan memberi kebimbangan komputer yang berbeza. Perbezaan jantina dan sikap mereka menyebabkan terdapatnya perbezaan kebimbangan komputer. Sehubungan itu untuk mengurangkan kebimbangan komputer yang paling penting ialah pembinaan sikap positif terhadap komputer dan latarbelakang

pendidikan Sains dan Matematik adalah penting dalam mengurangkan kebimbangan komputer. Kajian ini merupakan kajian yang baik kerana maklumat yang diperolehi akan dapat digunakan dalam membentuk program pendidikan komputer.

Montague (1953), dalam kajiannya melalui ujian-ujian yang diberikan kepada pelajar-pelajar universiti di Amerika Syarikat mendapati bahawa subjek yang berkeimbangan rendah lebih berjaya dari pelajar-pelajar yang berkeimbangan tinggi.

Glass, Arnkoff, Meyerhoff, Smith dan Olechanskey (1995) telah membuat kajian berhubung kognisi, kebimbangan dan pencapaian dalam kerjaya dikaitkan dengan peperiksaan lisan. Kajian Glass et.al (1995) adalah bertujuan untuk menguji model penilaian kebimbangan dalam penggabungan keupayaan, afektif, kognitif dan pencapaian merentasi empat angkubah yang terdiri daripada sebelum pra-peperiksaan, peperiksaan dan hasil peperiksaan. Mereka menguji model tersebut dengan menggunakan dua angkubah yang dikira berbeza iaitu dua nombor dikira negatif dan kadar situasi ingatan bagi nombor positif yang dikira bagi kiraan positif dicampur negatif.

Keputusan kajian mendapati bahawa terdapat kolerasi atau perhubungan antara demografi, kognitif dan kebimbangan dengan pencapaian. Walau bagaimanapun jantina, latarbelakang pendidikan, pengalaman dan jangkamasa perkhidmatan bukanlah sebagai petunjuk kepada kebimbangan. Sebahagian daripada

pernyataan atau item STAI-State mempunyai perhubungan dengan pencapaian. Glass(1995) melaporkan semakin tinggi kebimbangan maka semakin rendah pencapaian mereka.

Melihat tahap kebimbangan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan, Haggard (1957) menyatakan bahawa pelajar lelaki adalah golongan lebih pasif dalam melahirkan perasaan mereka. Oleh itu mereka mempunyai konflik dalaman yang lebih tinggi. Haggard telah membuat kesimpulan bahawa pelajar-pelajar perlu dibantu perkembangan mereka supaya bebas dari kebimbangan sehingga mereka dapat mencapai kesejahteraan emosi sebenar.

Haggard juga menyatakan bahawa pentingnya kita memikirkan hubungan faktor kebimbangan dengan proses pembentukan personaliti kanak-kanak. Beliau juga menyarankan supaya diadakan ujian kebimbangan secara berasingan daripada ujian-ujian pencapaian.

Price(1986) melaporkan bahawa Diaz-Guerrero(1973) dan Emitted dan Diaz-Guerrero(1983) telah melakukan kajian perhubungan antara stail menyelesaikan masalah dengan kebimbangan. Diaz-Guerrero mendapati stail penyelesaian masalah yang pasif luaran iaitu seseorang yang tidak ingin berubah dengan persekitaran mempunyai hubungan dengan aras kebimbangan yang tinggi. Diaz-Guerrero juga mendapati etnik seseorang mempengaruhi ciri-ciri yang mendorong kebimbangan yang tinggi. Ini telah dibuktikan melalui kajian beliau yang melibatkan golongan

minoriti Amerika seperti pendatang Mexico. Beliau seterusnya menegaskan bahawa nilai budaya sangat mempengaruhi keseimbangan seseorang.

Kajian Morris(1981), kebimbangan mempengaruhi pencapaian tetapi keemosionaliti tidak mempunyai hubungan dengan pencapaian. Morris memetik, hasil dapatan kajian oleh Hollandsworth, Glazeeski, Kirkland, Jones dan Van Norman yang telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan kebimbangan yang tinggi dan rendah mempunyai hubungan dengan tindakbalas kognitif berbanding kebangkitan yang disebabkan oleh psikologi.

Lilienfeld (1997) telah menjalankan kajian untuk melihat hubungan kepekaan kebimbangan terhadap personaliti terhadap implikasi serangan panik ke atas 228 orang pelajar iaitu 118 lelaki dan 110 perempuan. Beliau mendapati bahawa orang-orang yang peka terhadap kebimbangan mempunyai hubungan dengan emosi yang negatif, sebaliknya mempunyai hubungan dengan masalah ketakutan dan emosi positif.

Lewinsohn (1998) telah melakukan kajian terhadap perbezaan antara jantina terhadap kebimbangan serta puncu-punca kebimbangan remaja. Kajian dijalankan terhadap 1079 orang pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa wanita lebih terdedah kepada kebimbangan yang berkaitan dengan genetik berbanding faktor persekitaran. Tetapi tidak dapat dipastikan perbezaan jantina terhadap punca-punca kebimbangan.

Holtzman(1975) telah menjalankan kajian mengenai kebimbangan ke atas kanak-kanak Mexico dan Amerika Syarikat dengan menggunakan skala kebimbangan tret untuk kanak-kanak (Tret Anxiety Scale for Children). Sampel yang digunakan seramai 392 orang kanak-kanak lelaki dan perempuan, separuh berketurunan Mexico dan separuh berketurunan Amerika Syarikat yang mana berumur di antara 6 – 9 tahun. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji perbezaan kebimbangan antara kanak-kanak Amerika Syarikat dan Mexico berdasarkan jantina. Hasil Kajian didapati bahawa kanak-kanak perempuan lebih bimbang daripada kanak-kanak lelaki. Skor purata yang diperolehi ialah 14.60 untuk perempuan dan 12.10 untuk lelaki.

Dari segi bangsa dan kebudayaan, didapati pelajar Mexico lebih bimbang dari pelajar Amerika berdasarkan inventori kebimbangan keadaan semasa pelajar menghadapi peperiksaan. Begitu juga dari segi status sosio-ekonomi, didapati subjek dari status ekonomi rendah lebih bimbang daripada subjek status ekonomi tinggi.

Zakiah Darajat(1974) telah menjalankan kajian di Indonesia tentang masalah kebimbangan di kalangan remaja dengan menggunakan soal selidik masalah Mooney. Kajian dilakukan terhadap 404 orang pelajar remaja lelaki dan 283 orang pelajar remaja perempuan. Analisis data deskriptif terutamanya frekuensi dan peratusan digunakan untuk mentafsirkan dapatan kajian. Hasil daripada penelitian

beliau terbukti bahawa para remaja mengalami berbagai-bagai masalah peribadi. Beliau mendapati punca-punca utama gangguan emosi atau perasaan bimbang ialah masalah persekolahan, pemilihan pekerjaan, kesihatan dan kewangan.

Lee dan Robbins(1998) melihat hubungan antara hubungan sosial dan kebimbangan, 'self esteem' dan pengenalan sosial. Kajian telah dijalankan terhadap 185 pelajar universiti. Beliau mendapati bahawa faktor hubungan sosial menunjukkan 16% daripada jumlah varian dalam kebimbangan tret. Penemuan ini dapat menyokong teori-teori yang mengatakan wanita-wanita yang mempunyai hubungan yang tinggi dengan masyarakat adalah kurang bimbang dalam kehidupan mereka seharian. Sebaliknya wanita yang mempunyai hubungan yang rendah dengan masyarakat lebih cenderung untuk menjadi lebih bimbang.

Dapatan kajian Paulson(1994) mempunyai persamaan dengan dapatan kajian oleh para penyelidik terdahulu seperti Fernandez dan Paulson(1989). Mereka mendapati bahawa ibubapa yang sering mendampingi dan memberi sokongan serta mempunyai tahap komunikasi yang baik dengan anak-anak remaja mereka akan menunjukkan kesan positif ke atas pencapaian akademik. Bagi remaja yang menghadapi masalah keluarga seperti penceraian ibubapa, tinggal dengan keluarga angkat, mempunyai tahap pencapaian akademik yang rendah, mengalami kebimbangan yang tinggi dan mereka sering menghadapi kegagalan dalam pelajaran. Remaja yang mempunyai hubungan yang baik dengan ahli keluarga tidak banyak menghadapi masalah dalam bidang pelajaran.

Kajian oleh Robertson dan Simons(1989) pula membuktikan bahawa remaja yang banyak meluangkan masa bersama-sama ibubapa dan keluarga mempunyai tahap keintelektualan yang lebih tinggi serta kurang menghadapi masalah kebimbangan berbanding remaja yang diabaikan oleh ibubapa. Dalam kajian yang dijalankan oleh Skaalvik dan Hagtvvet(1990), mereka menjelaskan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara tahap pencapaian akademik dengan konsep sendiri remaja. Remaja yang mempunyai konsep sendiri rendah sering menghadapi masalah psikologi seperti merasa mudah tersinggung, merasa bimbang, tidak bernasib baik, kurang kepercayaan terhadap diri dan mempunyai tahap kritik diri yang tinggi. Akibat daripada masalah-masalah ini, pelajar-pelajar berkenaan memperolehi tahap pencapaian akademik yang rendah.

Kesimpulannya, berdasarkan kajian-kajian lampau samada kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tempatan mahupun kajian –kajian oleh pengkaji-pangkaji Barat, jelas membuktikan bahawa masalah kebimbangan yang dihadapi oleh para remaja khususnya pelajar-pelajar adalah merupakan faktor penyumbang utama kepada kemerosotan tahap pencapaian akademik dan kewujudan masalah-masalah lain. Kebanyakan para remaja menghadapi masalah kebimbangan dan antara punca yang menyebabkan kebimbangan remaja adalah masalah yang berkaitan dengan kekecewaan, konflik, ancaman, persekolahan dan proses pertumbuhan fisiologi mereka.

Namun demikian kajian terhadap tahap kebimbangan profesional dalam kalangan guru-guru terutama sekali guru-guru yang mengajar di sekolah menengah harian masih belum ditemui setakat ini. Kajian lampau yang telah dijalankan oleh para pengkaji ke atas para remaja adalah merupakan satu landasan yang kukuh yang boleh dijadikan panduan ketika menjalankan kajian tahap kebimbangan di kalangan guru memandangkan terdapat perkaitan yang amat jelas terhadap masalah yang ingin dikaji.